



KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

**SUKATAN PELAJARAN
KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH MENENGAH**

**PENDIDIKAN MUZIK
MENENGAH RENDAH
TINGKATAN I – III
(Semakan)**

2003



Pusat Perkembangan Kurikulum,
Kementerian Pelajaran Malaysia

PRA KATA

Kurikulum Pendidikan Muzik sekolah menengah digubal selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang berhasrat melahirkan insan yang berilmu pengetahuan, berketrampilan dan berupaya mencapai kesejahteraan diri serta menyumbang ke arah keharmonian dan kemakmuran negara. Kurikulum tersebut diterjemahkan kepada sukatan pelajaran yang bermatlamat membina dan memperkembang lagi potensi pelajar dari segi kreativiti dan daya apresiasi seni muzik.

Kurikulum ini merupakan program pendedahan secara am. Namun demikian, program pembelajarannya menitikberatkan penguasaan pengetahuan elemen muzik dan penglibatan dalam aktiviti muzikal secara solo dan ensembel. Pelajar melibatkan diri dalam aktiviti menyanyi, bermain muzik instrumental, berkarya dan menilai karya dan persembahan muzik. Kurikulum ini juga memberi peluang pelajar menyanyi, bermain, mendengar dan memperkatakan pelbagai jenis muzik. Pendedahan seperti ini adalah dengan tujuan membantu membina pemikiran kritis dan kreatif pelajar.

Dalam usaha membina semangat jati diri dan patriotisme, murid diberi kesedaran tentang sumbangan seni muzik terhadap warisan budaya dan identiti bangsa. Hal ini dilaksanakan melalui penglibatan pelajar dalam permainan muzik tradisional tempatan.

Adalah diharapkan para guru menghayati semangat dan kehendak Sukatan Pelajaran dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran ini bagi memastikan tercapainya matlamat dan objektif yang telah ditetapkan.

Kementerian Pelajaran Malaysia merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menghasilkan sukatan pelajaran ini.



(TAN SRI ABDUL RAFIE BIN MAHAT)

Ketua Pengarah Pelajaran

Kementerian Pelajaran Malaysia.

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggung jawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian keluarga, masyarakat dan negara.

(Akta Pendidikan 1996)

PENDAHULUAN

Sukatan Pelajaran Pendidikan Muzik bagi menengah rendah mengandungi program pembelajaran untuk tiga tahun persekolahan iaitu daripada Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3. Program pembelajaran yang disediakan merupakan program pasca Pendidikan Muzik KBSR. Sukatan ini direka bentuk bagi memberi peluang pelajar mengulangi perkara-perkara yang pernah dipelajari di sekolah rendah di samping mempelajari konsep-konsep baru serta mendapat pengalaman muzikal pada tahap yang lebih tinggi.

Sukatan pelajaran ini menekankan kefahaman konsep-konsep muzik sebagai asas kepada usaha membina kemahiran mendengar secara kritis dan kreatif, membuat persembahan dan berkarya. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran haruslah ke arah meningkatkan sensitiviti pelajar terhadap estetik muzik dan juga membantu membina kefahaman yang lebih matang tentang muzik, menjana idea dalam penciptaan bahan muzik dan berfikir kritis terhadap bahan dan persembahan muzik.

Sukatan ini menggariskan program pembelajaran yang progresif dan akumulatif di mana pelajar menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran muzik secara berperingkat. Pada akhir program ini murid mempunyai pengetahuan dan kefahaman serta pengalaman muzikal yang diperlukan untuk mengikuti program lanjutan yang berkaitan dengan muzik. Setelah mengikuti program ini, murid dapat mempersiapkan diri untuk mengikuti program pendidikan muzik di peringkat menengah atas.

MATLAMAT

Kurikulum Pendidikan Muzik menengah rendah bertujuan melengkapkan pelajar dengan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman muzik untuk memperkembang aptitud mereka dalam seni muzik di samping mempertingkatkan cita rasa muzikal yang membolehkan pelajar menikmati, menghargai, dan mereka cipta muzik ke arah melahirkan insan yang seimbang, kreatif, berdisiplin dan harmonis.

OBJEKTIF

Setelah mengikuti pelajaran Pendidikan Muzik di peringkat menengah rendah, pelajar

1. mempunyai pengetahuan dan kefahaman konsep muzik
2. mempunyai pengetahuan dan kefahaman sistem notasi dan konvensi penulisan muzik
3. berkebolehan membaca dan menotasi muzik
4. berkebolehan menyanyi secara solo dan ensembel dengan mengamalkan teknik yang betul
5. berkebolehan bermain muzik instrumental secara solo dan dalam ensembel muzik konvensional dan tradisional dengan mengamalkan teknik yang betul

6. berkebolehan meneroka dan mengeksperimen kesan bunyi daripada pelbagai alat muzik dengan teknik yang tidak konvensional
7. berkebolehan membuat improvisasi dan mereka cipta bahan muzik
8. berkebolehan menilai dan membuat rumusan hasil karya dan persembahan muzik
9. dapat mengamalkan etika sebagai *performer* dan sebagai audien persembahan muzik
10. dapat mengamalkan sikap bertoleransi, bertanggung jawab, berinisiatif, bekerjasama dan beretika.

ORGANISASI KANDUNGAN

Kandungan sukatan ini disusun mengikut aspek seperti berikut:

- Aspek 1: Persepsi Estetik** (Pengetahuan teori dan terminologi muzik).
- Aspek 2: Pengalaman Muzikal** (Kemahiran amali muzik vokal dan instrumental).
- Aspek 3: Ekspresi Kreatif** (Berkarya dan mengimprovisasi).
- Aspek 4: Penghargaan Estetik** (Penghayatan karya dan persembahan muzik).

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Sungguhpun sukatan pelajaran ini membentangkan isi kandungan pelajaran dalam empat aspek berasingan, susunan aspek-aspek tersebut bukanlah mengikut hirarki yang wajib dituruti. Aspek-aspek berkenaan adalah *inter-supportive* dalam proses menerima maklumat, mengekalkannya dan mengguna maklumat dalam penghasilan produk. Oleh yang demikian pelaksanaan sebenarnya haruslah secara berintegrasi.

Fokus pengajaran bukanlah kepada sesuatu aspek tertentu tetapi kepada *output*. Misalnya, pengetahuan tentang elemen muzik dan pengalaman persembahan merupakan bahan input kepada minda pelajar. Kedua-dua faktor ini diproses melalui aktiviti-aktiviti pembelajaran yang akan menghasilkan produk yang dapat dilihat dalam bentuk seperti persembahan, ciptaan lagu, komen dan laporan.

Pembelajaran konsep muzik sebaik-baiknya hendaklah dalam konteks aplikasinya dalam lagu. Instrumen seperti kibod elektronik dan piano merupakan mod rujukan yang dianjurkan bagi mempelajari konsep muzik secara amali.

Seni muzik adalah berkaitan dengan bunyi. Oleh yang demikian, mendengar adalah kemahiran asas yang perlu dibina dan ditingkatkan di sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran. Aktiviti mendengar secara aktif hendaklah menjadi aktiviti tunggal kepada penguasaan pengetahuan muzik dan pembinaan kemahiran muzik. Dalam usaha merancang pengajaran dan pembelajaran, guru-guru hendaklah mengambil kira perkara-perkara seperti kemahiran berfikir, kemahiran belajar, pembelajaran masteri, teori kecerdasan pelbagai, pembelajaran secara kontekstual, pembelajaran akses sendiri, teori konstruktivisme dan penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi/ICT.

PENERAPAN NILAI MURNI

Sebagai mata pelajaran untuk membina insan yang berakhlak mulia dan bertanggung jawab, ke arah mencapai kesejahteraan diri dan seterusnya menyumbang kepada kemakmuran negara, Pendidikan Muzik KBSM turut menerap nilai-nilai positif yang membina sahsiah pelajar. Aktiviti-aktiviti muzikal, sama ada secara solo atau berkumpulan memerlukan pelajar yang mempunyai disiplin diri, kecekalan dan semangat mencuba yang tinggi. Pelajar harus bertanggung jawab kepada kumpulan dan bekerjasama dalam menghasilkan muzik yang berkualiti. Di samping itu, penglibatan pelajar secara aktif dalam permainan muzik tradisional diharap dapat memupuk semangat patriotisme dan kekitaan di kalangan pelajar. Pada amnya, nilai-nilai murni, nilai budaya dan patriotisme hendaklah diberi penegasan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik. Oleh yang demikian, guru-guru hendaklah sentiasa peka tentang hal ini dan mengambil kira secara terancang unsur-unsur nilai murni yang dapat diterapkan dalam setiap aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik.

PENILAIAN

Pengajaran dan pembelajaran perlu dinilai keberkesanannya melalui aktiviti pentaksiran. Pencapaian pelajar ditaksir untuk mengetahui kadar penerimaan dan penguasaan ilmu pengetahuan dan kemahiran muzik yang diajar. Perkara ini memerlukan aktiviti pentaksiran yang terancang yang dapat dilakukan dalam bentuk penilaian formatif dan sumatif. Kedua-dua jenis penilaian tersebut perlu dilaksanakan bagi membantu pengajaran dan pembelajaran yang berkesan ke arah mencapai tahap pembelajaran yang cemerlang. Petunjuk pencapaian pelajar haruslah dengan eviden yang dapat menyatakan tahap pencapaian pelajar dengan jelas dan memberi guru landasan yang kukuh untuk melanjutkan aktiviti pembelajaran pada tahap yang lebih tinggi. Bagi tujuan itu guru hendaklah merancang aktiviti penilaian dengan teliti bagi memastikan pentaksiran yang relevan dan menepati tujuan.

KANDUNGAN

ASPEK 1: PERSEPSI ESTETIK

Mengenalpasti, memahami, dan menanggapi idea yang berkaitan dengan elemen muzik. Mempraktikkan dan mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman tersebut dalam aktiviti membaca, menulis dan mengapresiasi muzik.

1.1 KONSEP MUZIK

1.1.1 Irama

(a) Meter

- ◆ Binaan pelbagai jenis meter.

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 2 | 3 | 4 | 2 | 3 | 4 | 3 | 6 |
| 4 | 4 | 4 | 2 | 2 | 2 | 8 | 8 |

(b) Corak Irama

- ◆ Nilai not dan tanda rehat berikut:



- ◆ Binaan corak irama:
 - corak irama melodi
 - corak irama ostinato
 - ostinato melodi
 - ostinato irama (rentak)

1.1.2 Melodi

(a) Pic dan Skel

- ◆ Pic
 - *Enharmonics*
 - Syap berganda dan flet berganda
 - Nama pic berdasarkan kedudukannya dalam skel diatonik

- ◆ Skel dan nada
 - Binaan skel
 - Skel¹ major dan minor harmonik
 - Skel Pentatonik C
 - Tetrakord
 - Tanda nada
 - Nada relatif (*Relative keys*)

(b) Ragam melodi

- ◆ Aliran melodi dan kontur melodi
 - Aliran bertangga,
 - Aliran melompat dan
 - Aliran mendatar

(c) Jeda

- ◆ Binaan jeda
 - Major ke 3
 - Minor ke 3
 - Major ke 2
 - Minor ke 2
 - Perfek ke 5
 - Perfek ke 4
 - Major ke 6
 - Minor ke 6
 - Major ke 7
 - Minor ke 7
 - Oktaf
 - Unison

1.1.3 Harmoni

(a) Triad

- ◆ Binaan triad tonik dalam kedudukan perdu.
 - Triad tonik major : C, G, F, D, B^b, A, E^b
 - Triad tonik minor : A, E, D, B, G, C, F[#]

(b) Pergerakan Kord

- ◆ Kaedah pergerakan kord dalam lagu.
 - Kord primer I - IV - V dalam nada major: C, G, F, D, B^b, A, E^b
 - Kord primer i - iv - V dalam nada minor: Am, Dm, Em, Bm, Gm

(¹) Skel major dan minor harmonik sehingga 3 syap dan 3 flet.

(c) Kaden:

- ◆ Jenis dan fungsi kaden
 - Kaden plagal
 - Kaden autentik
 - Autentik perfek (*Perfect authentic*)
 - Autentik imperfek (*Imperfect authentic*)

1.1.4 Warna Ton

(a) Kualiti Bunyi

- ◆ Peranan kualiti bunyi dalam muzik
 - Suara (Vokal)
 - Alat muzik tradisional
 - Alat muzik orkestra

1.1.5 Tekstur

(a) Jalinan Suara Dalam Lagu

- ◆ Ciri-ciri jalinan suara dalam lagu
 - Monofoni
 - Heterofoni
 - Homofoni
 - Polifoni

1.1.6 Bentuk

(a) Klasifikasi Bentuk Lagu²

- ◆ Penyusunan idea muzik dalam bentuk berikut:
 - Bentuk dua bahagian
 - Bentuk tiga bahagian
 - Bentuk rondo
 - Bentuk strofik
 - Bentuk tradisional³

(²) Karya muzik vokal dan instrumental

(³) Berdasarkan sistem gongan gamelan.

1.1.7 Ekspresi

(a) Dinamiks

- *Piano (p)*
- *Forte (f)*
- *Mezzopiano (mp)*
- *Mezoforte (mf)*
- *Pianissimo (pp)*
- *Fortissimo (ff)*
- *Crescendo*
- *Decrescendo*
- *Diminuendo (dim)*

(b) Tempo

- *Andante*
- *Allegro*
- *Moderato*
- *Adagio*
- *Largo*
- *Presto*
- *Lento*

1.2 KONVENSI PENULISAN MUZIK

Membaca dan menulis muzik dengan notasi dan terminologi muzik konvensional.

1.2.1 Notasi dan Kaligrafi

- ◆ Membaca dan menotasi skor muzik dengan tanda isyarat dan not muzik yang konvensional sehingga dua garis lejer ke atas dan ke bawah baluk dalam klef trebel, alto, tenor dan bes.



1.2.2 Tanda Isyarat dan Terminologi Muzik

- ◆ Membaca dan menulis tanda isyarat dan terminologi berikut:

Maestoso


Legato

Fine

Ritardando


Da Capo (D.C.)

Dal segno (D.S.)


Segno 


Coda 


Fermata 

Klef Trebel 

Klef bes 

Tanda Ulangan 


Tanda penamat 

Staccato 


Tekanan 


Maelzel's Metronome (M.M.  = 100)

Tanda kromat 

Akhiran 1, 2 

Harkat 

Kaitan 

Tanda Frasa 

Common Time 

Cut Time 

ASPEK 2: PENGALAMAN MUZIKAL

Membina kemahiran menyanyi dan bermain ⁵alat muzik secara solo dan ensemble dengan teknik yang betul melalui aktiviti nyanyian dan bermain muzik bagi membolehkan pelajar mengalami, menikmati dan menilai persembahan muzik serta mengamalkan nilai-nilai murni.

2.1 KEMAHIRAN NYANYIAN

2.1.1 Pengetahuan Teknik dan Kemahiran Menyanyi

- ◆ Mengetahui dan membina teknik menyanyi berasaskan elemen-elemen berikut:
 - Postur
 - Pernafasan
 - Sebutan
 - Artikulasi
 - Ekspresi
 - Penghasilan ton (*register*)
 - Memfrasa

- ◆ Membina kemahiran menyanyi

Kemahiran Individu

- Menyanyi pelbagai jenis lagu⁴ secara solo
- Menyanyikan skel ; jeda ; arpeggio triad primer menaik dan menurun
- Menyanyikan semula keratan lagu yang didengarkan
- Menyanyi serta merta mengikut skor muzik.

Kemahiran Ensemble⁵

- Menyanyi dalam ensemble vokal secara unison
- Menyanyi dalam ensemble vokal secara berharmoni dalam lapisan suara soprano, alto dan tenor.

2.2 KEMAHIRAN MUZIK INSTRUMENTAL

2.2.1 Kemahiran Bermain Alat Muzik Konvensional

- ◆ Mengetahui teknik bermain **satu** alat muzik daripada senarai berikut:
 - Kibod elektronik
 - *Pianoforte*

(⁴) Lagu-lagu patriotik/rakyat/masyarakat dunia/popular kontemporari dan *evergreen*.

(⁵) Ensemble vokal seperti koir dan nasyid.

- Rekoder (rekoder sopranino, soprano, alto, tenor dan bes)
- Alat tiup bras (trompet, kornet, trombon, hon, *euphonium* dan tuba)
- Alat tiup kayu (klarinet, saksofon, flut dan *piccolo*)
- Gitar (*folk*)
- Violin
- Alat Perkusi (dram getar dan xilofon)

(Rujuk LAMPIRAN A)

- ◆ Membina kemahiran muzik instrumental

Kemahiran Individu

- Memainkan skel ; jeda ; kord primer (bagi alat yang berkenaan sahaja) dan arpeggio kord/triad primer
- Permainan serta merta berdasarkan skor muzik
- Memainkan pelbagai jenis muzik instrumental secara solo

Kemahiran Ensemble⁶

- Memainkan instrumen muzik dalam kumpulan seperti duet, trio, kuartet, pancaragam dan orkestra.
- Memainkan pelbagai jenis muzik instrumental dengan mengambil peranan dalam bahagian melodi, melodi kaunter, harmoni dan irama.

2.3 PENGALAMAN ENSEMBEL MUZIK TRADISIONAL

2.3.1 Ensemble Muzik Tradisional

- ◆ Memainkan pelbagai jenis lagu dan irama dalam ensemble berikut:
 - Ensemble Kompang
 - Ensemble Gamelan
 - Ensemble Muzik Tradisional lain di Malaysia⁷.

(Rujuk LAMPIRAN A)

(⁶) Ensemble seperti Orkestra, Brassband, Wind-ensemble, Drum Corps, Trumpet Corps, Combo dan Ensemble Muzik Kamar

(⁷) Pilihan sekolah seperti Ensemble Caklempong, Ensemble Gong Sabah/Sarawak, Orkestra Cina, Ensemble Muzik India dan ensemble muzik tempatan yang tiada kaitan dengan pemujaan.

2.4 KEMAHIRAN PERSEMBAHAN

2.4.1 Kemahiran Muzikal

7

- ◆ Membaca skor muzik
- ◆ Mengikut pemimpin dalam persembahan ensemble

2.4.2 Etika Persembahan

- ◆ Tanggungjawab dan adab sebagai *performer* dan audien

ASPEK 3 : EKSPRESI KREATIF

Meneroka pelbagai sumber bunyi, mengeksperimen⁸ dan mengimprovisasi dengan elemen-elemen muzik bagi mereka cipta idea muzikal dan seterusnya menghasilkan karya muzik yang kreatif.

3.1 REKA CIPTA

3.1.1 Berkarya

- Mencipta corak irama
- Memadankan lirik dengan melodi yang diberi
- Menyediakan lirik bagi melodi yang diberi
- Mencipta melodi berdasarkan lirik yang diberi
- Mencipta melodi kaunter dalam bentuk ostinato dan dron.

3.1.2 Mengimprovisasi dan Mengeksperimen

- Menyediakan gubahan muzik daripada gabungan pelbagai bunyi bukan muzikal⁸
- Menyediakan iringan yang sesuai bagi melodi yang diberi menggunakan bunyi/stail daripada kibod elektronik
- Menyediakan kesan bunyi yang sesuai bagi muzik yang diberi
- Menyediakan ostinato irama bagi muzik yang diberi
- Menyediakan rentak bagi muzik yang diberi
- Menyediakan harmoni dalam bentuk, ostinato bermelodi, dron dan *Bordun* bagi muzik yang diberi
- Memilih dan menyusun peranan alat-alat muzik untuk gubahan muzik ensembel yang diberi.

(⁸) Bunyi yang tidak dituun kepada sebarang instrumen muzik seperti bunyi alam, bunyi pesekitaran, bunyi benda-benda bukan instrumen muzik dan bunyi tak lazim daripada instrumen muzik.

ASPEK 4 : PENGHARGAAN ESTETIK

Mengenalpasti, menganalisis dan memperkatakan ciri-ciri positif dan negatif hasil karya dan persembahan muzik dari segi elemen muzik dan teknik persembahan. Menggunakan pengetahuan dan pengalaman muzikal untuk menyatakan idea, perasaan, pendapat dan kecenderungan diri terhadap bahan muzik melalui laporan, penerangan dan huraian secara lisan dan bertulis.

4.1 MENGHAYATI PELBAGAI JENIS MUZIK

4.1.1 Pelbagai ensemble muzik

- ◆ Mendengar, menganalisis dan memberi pendapat terhadap muzik daripada *genre* berikut:
 - orkestra
 - muzik kamar
 - pancaragam bras
 - ensemble vokal
 - koir/nasyid

4.1.2 Menilai karya muzik

- ◆ Muzik Rakyat Malaysia
 - Muzik dram: Kompang ; Rebana Ubi, Tabla, Gendang 24 Musim
 - Muzik Melayu Asli (vokal dan instrumental) dalam rentak Masri, Inang, Joget, Asli, Zapin
 - Muzik gong - Gamelan ; Caklempong ; Gong Besar ; Engkromong ; Kulintangan
 - Muzik tarian - Muzik Sumazau ; Muzik Ngajat ; Dabus ; Muzik Tarian Singa ; Sewang
- ◆ Muzik Klasik Barat
 - *Brandenburg Concerto* (Bach),
 - *Four Seasons – Spring* (Vivaldi)
 - *Symphony No.5 in C minor 1st Movement* (Beethoven),
 - *Symphony No : 40 In G Minor* (Mozart)
 - *Nocturne No.1 in B^b Minor* (Chopin)
 - *Blue Danube* (J. Strauss)

KEMAHIRAN PERMAINAN ALAT MUZIK

ALAT MUZIK KONVENSIONAL

Pengalaman bermain muzik instrumental secara solo dan ensemble dengan **satu** daripada instrumen berikut:

1. Kibod elektronik

- Pengenalan bahagian-bahagian kibod dan fungsinya
- Teknik
 - Postur
 - Posisi tangan dan penjarian
- Kemahiran
 - Pengendalian dan penjagaan kibod elektronik - (*function buttons*)
 - Memainkan skel major dan minor harmonik satu oktaf menaik dan menurun (skel hingga 3 syap dan 3 flet)
 - Memainkan skel secara kromatik
 - Memainkan skel pentatonik C
 - Memainkan jeda
 - Memainkan triad major dan minor (seperti dalam Aspek 1, item 1.1.3) secara blok di tangan kiri dan kanan
 - Memainkan secara arpeggio kord/triad primer dalam nada major dan minor (tangan kiri dan kanan)
 - Memainkan iringan secara kord blok (tangan kiri dan kanan)
 - Memainkan iringan auto – (*fingered*)
 - Memainkan melodi berserta iringan *auto rhythm*
 - Bermain secara bacaan serta merta mengikut skor
 - Bermain dalam ensemble muzik

2. Piano (*Pianoforte*)

- Pengenalan bahagian-bahagian piano dan fungsinya
- Teknik
 - Postur
 - Posisi tangan
 - Penjarian
 - Pedal
- Kemahiran
 - Pengendalian dan penjagaan piano
 - Memainkan skel major dan minor harmonik dua oktaf menaik dan menurun (skel hingga 3 syap dan 3 flet)
 - Memainkan skel secara kromatik
 - Memainkan skel pentatonik C
 - Memainkan jeda

- Memainkan triad major dan minor (seperti dalam Aspek 1, item 1.1.3) secara blok di tangan kiri dan kanan
- Memainkan secara arpeggio kord/triad primer dalam nada major dan minor (tangan kiri dan kanan)
- Memainkan iringan secara kord blok dan *Alberti Bass*
- Memainkan melodi berserta iringan harmoni
- Bermain secara bacaan serta merta mengikut skor
- Bermain dalam ensembel muzik

3. Violin

- Pengenalan bahagian-bahagian violin dan fungsinya
- Teknik dalam permainan violin
 - Postur (berdiri dan duduk)
 - Penjarian
 - Memegang penggesek violin
 - Penghasilan ton (menggesek)
 - Memfrasa
- Kemahiran
 - Pengendalian dan penjagaan violin
 - Talaan
 - Memainkan skel satu oktaf dalam nada A, C, D, F, G major dan A, D, G minor
 - Memainkan skel secara kromatik bermula pada not yang ditetapkan
 - Memainkan skel pentatonik C
 - Memainkan jeda
 - Memainkan arpeggio kord/triad primer berasaskan nada A, C, D, F, G major dan A, D, G minor
 - Memainkan not kaitan pada tali yang sama
 - Mematuhi tanda V (*up bow*) dan □ (*down bow*)
 - Memainkan tekanan (*accent*)
 - Bermain secara *arco*
 - Bermain secara *pizzicato*
 - Memainkan melodi/kaunter melodi
 - Bermain secara bacaan serta merta mengikut skor
 - Bermain dalam ensembel muzik

4. Gitar (*folk*)

- Pengenalan bahagian-bahagian gitar *folk* dan fungsinya.
- Teknik
 - Postur
 - Penjarian
 - Posisi tangan
 - *Strumming*
 - *Picking* (menggunakan *plectrum*)
 - Memfrasa

- Kemahiran
 - Pengendalian dan penjagaan gitar
 - Talaan
 - Memainkan skel major dan minor harmonik dua oktaf menaik dan menurun (skel hingga 3 syap dan 3 flet)
 - Memainkan skel secara kromatik
 - Memainkan skel pentatonik C
 - Memainkan jeda
 - Memainkan secara *strumming* kord primer dalam nada major dan minor
 - Memainkan secara arpeggio kord primer dalam nada major dan minor
 - Memainkan melodi atau melodi kaunter
 - Mengiringi melodi vokal dan instrumental
 - Bermain secara bacaan serta merta mengikut skor
 - Bermain dalam ensemble muzik.

5. Rekoder

- Pengenalan bahagian rekoder
- Teknik
 - Pengendalian alat dan talaan
 - Postur
 - Pernafasan
 - *Embouchure*
 - Posisi tangan
 - Penjarian
 - Artikulasi dan penglidahan
 - Penghasilan ton
 - Memfrasa
- Kemahiran
 - Pengendalian dan penjagaan rekoder
 - Talaan
 - Memainkan skel major dan minor harmonik satu oktaf menaik dan menurun (skel hingga 3 syap dan 3 flet)
 - Memainkan skel secara kromatik
 - Memainkan skel pentatonik C
 - Memainkan jeda
 - Memainkan secara arpeggio kord/triad primer
 - Memainkan melodi atau melodi kaunter
 - Bermain secara bacaan serta merta mengikut skor
 - Bermain dalam ensemble muzik

6. Alat Tiup Kayu

- Pengenalan bahagian-bahagian alat tiup kayu (flut, klarinet, saksofon) dan fungsinya.
- Teknik
 - Postur
 - Pernafasan
 - *Embouchure*




- Artikulasi dan penglidahan
- Penjarian
- Penghasilan ton
- Memfrasa
- Kemahiran
 - Pengendalian dan penjagaan instrumen
 - Talaan
 - Memainkan skel major dan minor harmonik satu oktaf menaik dan menurun (skel hingga 3 syap dan 3 flet)
 - Memainkan skel secara kromatik
 - Memainkan skel pentatonik C
 - Memainkan jeda
 - Memainkan secara arpeggio kord/triad major dan minor
 - Memainkan melodi atau melodi kaunter
 - Bermain secara bacaan serta merta mengikut skor
 - Bermain dalam ensembel muzik

7. Alat Tiup Bras

- Pengenalan bahagian-bahagian alat tiup bras (trompet, trombon, tuba, *euphonium*) dan fungsinya.
- Teknik
 - Talaan
 - Postur
 - Pernafasan
 - *Embouchure*
 - Artikulasi - penglidahan
 - Posisi tangan
 - Penjarian (posisi *slide* bagi trombon)
 - Penghasilan ton (*buzzing*)
 - Memfrasa
- Kemahiran
 - Pengendalian dan penjagaan alat bras
 - Talaan
 - Memainkan skel major dan minor harmonik satu oktaf menaik dan menurun (skel hingga 3 syap dan 3 flet)
 - Memainkan skel secara kromatik
 - Memainkan skel pentatonik C
 - Memainkan jeda
 - Memainkan secara arpeggio kord/triad primer
 - Memainkan melodi atau melodi kaunter
 - Bermain secara bacaan serta merta mengikut skor
 - Bermain dalam ensembel muzik

8. Alat Perkusi





8.1 Dram Getar

- Pengenalan bahagian-bahagian dram getar dan fungsinya.
- Teknik
 - Postur
 - Genggaman kayu dram
 - Paluan
 - Posisi tangan
 - Memfrasa
- Kemahiran
 - Pengendalian dan penjagaan dram
 - Talaan
 - Paluan satuan
 - Paluan duaan dan titir terbuka
 - Memainkan tekanan (*accent*)
 - Memainkan *Flam*
 - Memainkan *Flam tap*
 - Memainkan *Drag*
 - Titr 5 paluan  , 9 paluan  , dan 7 paluan 
 - Memainkan kaden dram
 - Bermain secara bacaan serta merta mengikut skor
 - Bermain dalam ensemble muzik

atau

8.2 Xilofon

- Pengenalan bahagian-bahagian xilofon dan fungsinya
- Teknik
 - Postur
 - Posisi tangan
 - Genggaman *mallet* (sehingga 3 *mallet*)
 - Paluan
 - Meredam bunyi (*dampening*)
 - Pergerakan badan dan kaki
 - Memfrasa
- Kemahiran
 - Pengendalian dan penjagaan xilofon
 - Memainkan skel major dan minor harmonik dua oktaf menaik dan menurun (skel hingga 3 syap dan 3 flet)
 - Memainkan skel secara kromatik
 - Memainkan skel pentatonik C
 - Memainkan jeda
 - Memainkan secara arpeggio kord/triad primer dalam nada major dan minor (tangan kiri dan kanan)
 - Paluan satuan

- Paluan gandaan
- Paluan silang 
- Titir 5 paluan , 9 paluan , dan 7 paluan 
- Memainkan melodi atau melodi kaunter
- Memainkan iringan secara arpeggio dan *Alberti Bass*
- Bermain secara bacaan serta merta mengikut skor
- Bermain dalam ensemble muzik

ALAT MUZIK TRADISIONAL MALAYSIA

1. Kompang

- Pengenalan bahagian-bahagian kompang, aksesori dan fungsinya
- Teknik
 - Postur (duduk, berdiri, berarak)
 - Memegang kompang
 - Membuat paluan
- Kemahiran
 - Pengendalian dan penjagaan kompang
 - Talaan
 - Memainkan pelbagai corak irama berasaskan paluan melalu, paluan menyilang dan paluan meningkah
 - Bermain dalam ensemble kompang dan ensemble muzik lain

2. Gamelan

Mana-mana **satu** alat utama dalam ensemble gamelan

- Pengenalan komponen, bahagian-bahagian peralatan gamelan dan fungsinya
- Teknik
 - Postur - duduk
 - Genggaman mallet
 - Membuat paluan (semua alat ketukan)
 - Meredam bunyi (*dampening*)
- Kemahiran
 - Pengendalian dan penjagaan peralatan gamelan
 - Memainkan skel pentatonik
 - Memainkan melodi
 - Memainkan corak irama bagi gendang
 - Ragam permainan (Ngembang ; Mipil)
 - Bermain dalam ensemble

3. Caklempong

Mana-mana **satu** alat utama dalam ensemble caklempong

- Pengenalan komponen, bahagian-bahagian peralatan caklempong dan fungsinya
- Teknik
 - Postur - duduk, berdiri dan berjalan (Pacik)
 - Memegang *mallet*
 - Membuat paluan (semua alat ketukan)
 - Meniup serunai dan bangsi*
- Kemahiran
 - Pengendalian dan penjagaan peralatan caklempong
 - Talaan
 - Memainkan skel diatonik dan pentatonik
 - Memainkan melodi / melodi kaunter
 - Memainkan ostinato melodi / harmoni
 - Memainkan kord primer secara arpeggio
 - Memainkan corak irama bagi gendang
 - Bermain dalam ensemble

(*) Sekiranya kepakaran boleh didapati.

4. Ensemble-Ensemble Lain**

Mana-mana **satu** alat utama dalam ensemble berkenaan

- Pengenalan komponen, bahagian-bahagian peralatan ensemble dan fungsinya
- Teknik
 - Postur
 - Cara memegang instrumen dan menghasilkan bunyi
- Kemahiran
 - Pengendalian dan penjagaan instrumen
 - Talaan
 - Memainkan skel diatonik, pentatonik atau yang berkenaan
 - Memainkan kord iringan
 - Memainkan melodi / melodi kaunter
 - Memainkan ostinato melodi / harmoni
 - Memainkan arpeggio kord primer (jika berkenaan)
 - Bermain dalam ensemble

(**) Sekiranya kepakaran boleh didapati.